

NO. SOALAN : 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI

[PANDAN]

TARIKH : 7 MAC 2018 (RABU)

Tuan Mohd Rafizi Bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah modal yang perlu dilaburkan pemaju Synergy Promenade Sdn. Bhd. untuk menyiapkan kesemua projek hartanah di atas kesemua tanah-tanah FELDA di Jalan Semarak dan berapa pinjaman bank yang akan diambil untuk membiayai projek tersebut.

13)

JAWAPAN: YB DATO' SERI RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Felda Investment Corporation Sdn. Bhd. (FICSB) tidak mengenakan syarat bagi modal mahupun pinjaman bank yang perlu bagi membiayai projek hartanah di atas kesemua tanah-tanah FELDA di Jalan Semarak kepada pemaju.

Walau bagaimanapun, FICSB telah menetapkan beberapa syarat bagi pemaju yang dilantik. Syarat-syarat tersebut termasuklah:

- i) **Tarikh siap:** Projek harus disiapkan dalam tempoh 10 tahun daripada tarikh Kebenaran Merancang atau penukaran status syarat penggunaan tanah atau yang mana terkemudian.
- ii) **Balasan:** Pemaju harus membayar kepada FELDA jumlah bersamaan 10% daripada Nilai Pembangunan Kasar (GDV) projek atau jumlah sebanyak RM500 juta atau yang mana lebih tinggi.
- iii) Pemaju harus menanggung segala kos dan perbelanjaan berkenaan projek, termasuk bertanggungjawab sepenuhnya bagi mendapatkan pembiayaan ke atas pembangunan projek.

Sekian. Terima kasih.